

BAB VI

KESIMPULAN

Surat Khabar BH merupakan salah satu akhbar utama dan terkenal di Malaysia. Melalui bahasa akhbar tersebut, orang ramai lazimnya dapat memperoleh maklumat yang diperlukan dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, tidaklah mustahil bahawa cara pemikiran kita, cara kegiatan kita sehari-hari dan cara mempertahankan kehidupan kita kini berhubung kait dengan penggunaan bahasa dalam media massa tersebut. Dengan perkataan lain, masyarakat terkini banyak dipengaruhi oleh bahasa media.

Berhubung dengan hal tersebut, telah kita anggap bahawa tajuk berita merupakan simbol visual terhadap isi kandungan laporan berita. Oleh itu, tajuk berita wujud dalam berbagai-bagai bentuk dan gaya semiotik. Dengan perkataan lain, tajuk berita tidak menyampaikan sesuatu mesej melalui simbol-simbol linguistik semata-mata, tetapi disampaikan melalui olahan segala unsur visual seperti yang tercetak di atas suatu muka surat khabar. Dengan demikian, apabila sesuatu tajuk berita dibaca oleh para pembaca, maka wajarlah para pembaca dapat menginterpretasikan makna yang tersirat di dalam tajuk berita tersebut. Oleh hal yang demikian, makna yang terhasil dalam proses pembacaan berita tersebut merupakan hasil interaksi atau negosiasi antara pembaca dengan teks laporan.

Pada hakikatnya, secara sepintas lalu, pembaca dapat menyedari wujud keistimewaan lambang-lambang linguistik daripada pelbagai ragam teks di dalam tajuk-tajuk berita surat khabar. Bagaimanapun, kebanyakan pembaca tidak dapat menjelaskan dengan tepat apakah yang sebenarnya ciri-ciri keistimewaan lambang-lambang itu.

Hal ini memang wajarlah jika kita beranggapan bahawa proses menghasilkan tajuk berita tidak dapat dipisahkan daripada penggunaan

bahasa dalam bidang pemberitaan. Dengan demikian, dakwaan-dakwaan dari sudut pandangan semiotik sosial yang menganggap tajuk berita sebagai suatu kod merupakan landasan teori yang munasabah untuk penghuraian hakikat tajuk berita. Berdasarkan pandangan tersebut telah dapat dihuraikan bahawa tajuk berita secara umum membayangkan dan memberi gambaran bentuk tentang nilai-nilai kehidupan yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat dalam konteks yang sebenarnya.

Laras bahasa tajuk berita telah melalui peringkat-peringkat tertentu, umpamanya proses mengarang dan mengedit yang dilakukan oleh wartawan atau pemberita. Keadaan ini menyebabkan seseorang wartawan atau pemberita lazimnya menghasilkan gaya penulisan dan pengolahan bahasa tajuk berita yang tertentu. Dalam hal ini, menurut Roger Fowler (1996:43), yang menjadi paradoks ialah makna yang kita fahami melalui kod bahasa tersebut sebenarnya bukanlah hasil ciptaan peribadi pengguna bahasa sebaliknya merupakan hasil ciptaan tradisi sesuatu institusi, iaitu masyarakat bahasa.

Melalui kajian ini juga, tajuk berita telah dipandang sebagai variasi bahasa yang digunakan dalam bidang persuratkhabaran. Hal ini bermakna bahawa bahasa dalam konteks media moden, secara realiti tidak hanya dilihat dari segi kelainan atau perbezaan ciri linguistik tradisional, antara aspek wacana dalam teks, semata-mata umpamanya ciri bahasa lisan dan tulisan.

Berlandaskan teori semiotik sosial, telah kita tumpukan cara pendekatan utama atau pegangan untuk meneliti wujud variasi bahasa berhubung kait dengan kedua-dua pertanyaan yang mendasar, iaitu kenapa tajuk berita menunjukkan kelainan bahasa yang tersendiri serta apakah itu sebenarnya yang dipanggil sebagai laras bahasa..

Melalui huraian dalam Bab II, telah disimpulkan bahawa perbezaan variasi bahasa baik dialektik mahupun laras pada hakikatnya berhubung

rapat dengan penggunaan bahasa itu sendiri. Pandangan ini mengandung implikasi bahawa kemampuan manusia melakukan persepsi terhadap alam nyata berkaitan erat dengan wujudnya berbagai-bagai variasi bahasa. Ini kerana konsep-konsep yang diwujudkan oleh bahasa merupakan pandangan atau penglihatannya terhadap dunianya (worldview, Weltanschauung) dan merupakan sesuatu yang mengakibatkan pembentukan ideologi pengguna bahasa.

Seterusnya, berdasarkan pandangan Roger Fowler (1991, 1996) penulis berpendapat bahawa laporan berita merupakan gambaran dunia yang disampaikan melalui bahasa. Dengan demikian, telah kita dapati bahawa kelainan dalam kaedah tajuk berita menjurus kepada perbezaan ideologi. Pada hakikatnya wacana merupakan wadah sosial dan institusi kehidupan yang menghasilkan ideologi, kemudian dirakamkan melalui bahasa. Dengan kata lain, ideologi direalisasikan melalui bahasa.

Hal tersebut berkaitan rapat dengan fakta bahawa bahasa manusia sentiasa berubah-ubah dan semua bahasa menunjukkan berbagai-bagai variasi. Dengan demikian, penggunaan bahasa sebenar berbeza antara satu kelompok dengan kelompok yang lain, dan antara penutur dengan penutur yang lain sama ada dari segi sebutan sesuatu bahasa, pilihan kata dan makna kata-kata tersebut, mahupun dari segi binaan ayat. Dalam hal ini, pemilihan jenis, kelainan bahasa atau laras bahasa berhubung kait sama ada dengan proses pemaknaan (signification) mahupun dengan proses pembudayaan pengguna bahasa berkenaan. Pada hakikatnya, proses signifikasi tersebut menjadikan pemilihan variasi bahasa itu bermakna.

Hal tersebut dengan jelas menunjukkan bahawa sesuatu peristiwa yang digambarkan melalui bahasa bukanlah merujuk secara langsung kepada pandangan dunia yang sebenarnya, tetapi merujuk kepada sesuatu yang hendak disampaikan oleh peristiwa tersebut, iaitu sesebuah makna yang terbit daripada konteks berkenaan. Dengan perkataan lain, bahasa

bukan menjelaskan gambaran tentang dunia secara langsung, tetapi diibaratkan seperti peta dunia dan bahasa merupakan manifestasi terhadap pandangan dunia yang sebenarnya.

Berdasarkan pandangan tersebut dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri pemetaan tersebut menjadikan sesuatu tajuk berita mengandungi makna. Sesuatu peristiwa yang dilaporkan bukan merujuk kepada bentuk, kandungan, makna atau kebenaran daripada tajuk berita itu sendiri, tetapi tajuk berita tersebut lebih merujuk kepada apa yang hendak disampaikan oleh peristiwa secara keseluruhan, iaitu makna yang terbit daripada ciri-ciri sistem lambang dan juga konteks yang berhubung kait dengan laporan berkenaan.

Memandangkan huraian-huraian tersebut, penulis mengakui bahawa laporan berita merupakan salah satu laras bahasa yang penting (Allan Bell, 1998). Demikian pula laporan berita juga merupakan hasil tingkah laku sosial. Oleh sebab itu bahasa laporan berita ialah salah satu ciri bahasa bertulis. Dalam hal ini, penulis beranggapan bahawa terdapat hubungan erat antara laporan berita dengan pembaca. Membaca laporan berita bermakna kita menjurus kepada perbincangan secara implisit dengan pemberita melalui teks laporan berita (Bakhtin, 1986).

Proses tersebut bukan bersifat monolog, tetapi merupakan proses timbal balik. Untuk memahami aspek kandungan berita dengan jelas, pembaca hendaklah mewujudkan proses mengkod (*encoding*) dan mendekod (*decoding*) terhadap teks laporan berita. Dalam hal ini, berdasarkan ekspresi yang mendalam, kita harus membuat suatu analisis yang terperinci berhubung dengan teks laporan berita, yang disebut sebagai laras bahasa laporan berita.

Sehubungan dengan hal tersebut, terdapat persoalan yang dapat dikemukakan, iaitu kenapakah tajuk berita sering dikecam sebagai pencemar bahasa. Sementara itu, pelanggaran bentuk bahasa yang serupa

dalam bidang karya sastera, misalnya penulisan puisi dianggap sebagai hasil usaha penciptaan bahasa yang indah. Mengapakah hasil tanggapan terhadap kedua-dua teks tersebut begitu jauh berbeza?

Untuk menjawab pertanyaan tersebut, penulis telah membincangkan pandangan Gunther Kress dan Theo van Leeuwen (1977:186) yang berpendapat bahawa bahasa sentiasa bersifat telus dan nyata dan bahasa wujud dalam berbagai-bagai gaya semiotik. Semasa proses bercakap misalnya, kita bukan sahaja menyampaikan mesej melalui ungkapan kata-kata, tetapi melalui interaksi atau tindak balas unsur-unsur bunyi ujaran, irama, intonasi yang kompleks, di samping disertai dengan ekspresi wajah, isyarat gerakan dan juga sikap atau aksi tertentu. Begitu juga semasa proses menulis, kita tidak hanya menyampaikan sesuatu mesej melalui tanda-tanda linguistik semata-mata tetapi disampaikan juga melalui olahan segala unsur *visual* yang terdapat di atas suatu halaman atau muka surat. Oleh sebab itu, sebarang bentuk kajian tentang bahasa akhbar, misalnya yang mengabaikan unsur-unsur tersebut mungkin tidak dapat menjelaskan keseluruhan maksud yang disampaikan di dalam sesuatu teks tersebut.

Dengan perkataan lain, sebarang unsur penyimpangan tatabahasa (*ungrammaticality*) dalam tajuk berita sebenarnya merupakan lambang ciri tatabahasa dalam konteks yang lain dan bersifat tersendiri, iaitu, yang dimiliki di dalam sistem yang lain. Hubungan sistemik tajuk berita tersebut menghasilkan pengertian (Riffaterra, 1978:165). Oleh sebab itu, untuk memahami maksud tajuk berita tertentu perlu kita fahami konteks, iaitu hubungan antara aspek bahasa dengan sesuatu di luar bahasa.

Dalam hubungan ini, perlu difahami suatu fakta yang penting iaitu tajuk-tajuk berita utama bukanlah merupakan permulaan laporan berita. Sesuatu tajuk berita merupakan kesempatan bagi surat khabar untuk memperlihatkan identitinya sebagai suatu hasil penerbitan massa (Kniffka,

1980:41). Tajuk berita utama boleh dianggap sebagai unit tersendiri dan dapat dianggap sebagai abstraksi laporan berita berkenaan.

Melalui huraian tentang proses penulisan laporan berita secara keseluruhan, dengan jelas diketahui fakta bahawa penulisan tajuk berita bukan dilakukan oleh wartawan melainkan oleh kakitangan di bahagian lain. Dengan perkataan lain, proses susun atur muka surat bukan dilakukan oleh wartawan, tetapi dilakukan oleh penolong editor (subeditor). Pada prinsipnya, penolong editor menulis tajuk berita dengan merujuk kepada intipati berita utama, sama ada dibuat dengan cara mengedit atau menulis semula. Oleh sebab itu, tajuk berita utama merupakan cerita mikro (micro-story). Proses tersebut memaparkan segala nilai serta kemahiran penulisan ke dalam satu unit frasa atau ayat yang sesederhana mungkin. Dengan demikian, jika kita dapat memahami fungsi tajuk berita utama, boleh juga kita memahami keseluruhan kandungan berita yang sebenar yang tercantum di dalam berita tersebut.

Demikian pula, penulis membincangkan perkara yang sangat mustahak untuk pemahaman hakikat tajuk berita, iaitu tajuk berita pada dasarnya bukanlah merupakan bahagian laporan berita. Oleh sebab itu, semua laporan daripada sumber agensi berita sebenarnya tidak mempunyai tajuk-tajuk beritanya. Jika demikian, dari mana datangnya tajuk-tajuk berita?

Untuk menjawab pertanyaan tersebut, telah diperkenalkan tentang struktur berita dari sudut pandangan teori media massa. Menurut pandangan tersebut, laporan berita secara umum terdiri daripada tiga unsur yang utama, iaitu pendahulu, isi laporan, dan penutup. Struktur laporan berita tersebut sangat berguna baik untuk memahami hakikat tajuk berita itu sendiri mahupun untuk mengetahui kaitannya dengan wacana laporan berita berkenaan.

Berhubung dengan hal tersebut, penulis menerima dakwaan Allan Bell (1991) yang mengatakan bahawa *a majority of headlines are derived solely from lead sentences and not from information further down a story*. Dakwaan tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan tajuk berita lazimnya diturunkan daripada cerita pendahulu berkenaan. Berdasarkan huraian tersebut, telah kita ketahui bahawa pendahulu merupakan abstrak berita dan merupakan simbol visual untuk laporan berita selengkapnya. Untuk membuktikan hal tersebut, penulis cuba membentangkan beberapa contoh tajuk berita dalam BH.

Semasa membincangkan hubungan tajuk berita dengan pendahulu, penulis dengan sendirinya merujuk pandangan van Dijk (1988) tentang hakikat wacana laporan berita. Pandangan tersebut pada asasnya berdasarkan pendekatan kognitif. Secara umum, ahli-ahli psikologi dan ahli-ahli linguistik kognitif mengambil pendekatan yang lebih empirik terhadap makna. Menurut pandangan mereka wacana itu sendiri tidak mengandungi makna, tetapi makna sebenarnya lebih merupakan suatu hasil sesuatu proses yang dapat kita ketahui berdasarkan kegiatan tertentu, seperti pengertian, pemahaman atau interpretasi. Dalam hal ini, makna lebih berkait rapat dengan pemikiran pengguna-pengguna bahasa. Oleh itu, *top-down processing* dalam pemahaman makna teks berhubung dengan perkara peringkat struktur kognisi atau pemikiran pengguna bahasa. Untuk menghuraikan perkara tersebut, van Dijk (1988) menggunakan kedua-dua peringkat, iaitu peringkat struktur makro (macrostructure) dan peringkat struktur mikro seperti yang ditunjukkan di atas. Menurut huraian beliau, pendahulu merupakan suatu struktur makro bagi pembentukan makna teks laporan secara keseluruhan.

Huraian tentang ciri-ciri khas wacana berita tersebut mengandungi implikasi bahawa semakin rumit struktur wacana berita semakin penting fungsi tajuk berita. Perkara ini sangat mustahak pula untuk memahami dakwaan van Dijk (1988:8) tentang peranan organisasi tema (*thematic*

organization) dalam wacana berita. Menurut penjelasan beliau, pembaca surat khabar sebenarnya bukan membaca ayat-ayat ataupun perkataan-perkataan, tetapi tema atau topik yang tercantum dalam teks berita. Topik yang dimaksudkan van Dijk pada dasarnya merupakan berbagai-bagai fungsi butir-butir linguistik dalam wacana. Oleh sebab itu, seseorang yang ingin membaca surat khabar sentiasa berusaha menanggapi topik-topik melalui butir-butir linguistik secara lebih cepat dan ekonomik. Untuk itu, pembaca akhbar lazimnya menumpukan perhatiannya kepada tajuk-tajuk berita, kemudian melalui berbagai-bagai tanda bahasa yang lain, pembaca tersebut mula mencari topik-topik seterusnya. Dengan demikian, tajuk-tajuk berita merupakan butir linguistik utama bagi pencarian topik dalam wacana berita. Kesimpulannya, ciri-ciri khas struktur tajuk berita berlandaskan struktur linguistik pendahulu. Dengan perkataan lain, tajuk berita merupakan ringkasan langsung daripada peristiwa utama yang terdapat dalam perenggan pendahulu berita.

Perbandingan lengkap mengenai pendahulu berita dan tajuk berita yang dipaparkan oleh Kniffka (1980:333) menunjukkan bahawa struktur tajuk berita pada dasarnya mencerminkan struktur pendahulu. Menurut dakwaan beliau, subeditor cenderung memasukkan semula pola sintaksis di dalam pendahulu berita ke dalam tajuk berita. Misalnya, jika pendahulu berbentuk aktif dengan pelaku utama, tajuk berita pula cenderung bermula dengan pelaku berita tersebut.

Dalam hubungan ini, penulis mendapati bahawa kewujudan bentuk aktif atau pasif di dalam pendahulu berita berkait erat dengan perihal penekanan di dalam tajuk berita. Memang benar bahawa struktur tajuk berita pada dasarnya mencerminkan struktur pendahulu, namun seperangkat contoh tajuk berita dalam BH menunjukkan gejala yang sedikit berbeza dengan hasil kajian Kniffka tersebut. Terdapat cukup

banyak contoh tajuk berita yang tidak bermula dengan pelaku seperti pelaku dalam pendahulu. Kebanyakan contoh tersebut merupakan laporan berita yang cenderung menonjolkan penderita atau unsur-unsur keterangan yang berkaitan dengan pelaku berkenaan.

Menurut kajian ini, kelaziman penggunaan bentuk pasif dalam tajuk berita BH dapat dianggap sebagai sesuatu teknik mengedit untuk menjimatkan ruangan halaman surat khabar. Hal tersebut memang berkaitan dengan unsur-unsur bukan linguistik. Akan tetapi, dari sudut pandangan linguistik, pemilihan cara penggambaran peristiwa dalam laporan berita dapat ditafsirkan sebagai hasil butir-butir linguistik. Menurut pandangan mazhab CDA (Critical Discourse Analysis), pemilihan bentuk pasif tersebut dapat ditafsirkan pula sebagai hasil penulisan yang berlandaskan ideologi tertentu. Dengan kata lain, penulis tajuk berita cenderung memilih sesuatu cara perlambangan untuk memperlihatkan peristiwa itu sebagai sesuatu struktur makna yang tertentu. Dengan demikian dapat diketahui bahawa tajuk berita merupakan lambing yang bersifat penilaian isi laporan berita secara keseluruhan.

Sehubungan dengan hal tersebut, penulis berpendapat bahawa bahasa tajuk berita tidak hanya terhenti dalam sifatnya yang sekadar penilaian, tetapi sekali gus bertindak. Dengan membaca dan sekali gus mengambil kira segala idea atau isu yang dilontarkannya, kita menjadi lebih sensitif terhadap berbagai-bagai masalah dalam masyarakat, misalnya soal-soal perkauman, diskriminasi, kemiskinan, ketidakadilan, ketidaksamaan, dan sebagainya. Dalam konteks pandangan ini, penulis menganggap tajuk berita sebagai cermin ideologi, politik, ekonomi, dan sejarah dalam masyarakat tertentu. Dengan demikian, wajarlah jika kita menganggap teks laporan media pada masa ini cenderung menjadi teks lintas-budaya. Dalam hal ini, tajuk berita dengan jelas berfungsi sebagai penghantar unsur-unsur budaya.

Oleh sebab itu, jika difahami secara mendalam bahawa sekiranya berbagai-bagai sudut pandangan dapat digunakan dalam bahasa, maka dengan sendirinya dapat difahami pula bahawa wujud berbagai-bagai laras dalam pemberitaan, khususnya dalam tajuk berita. Dengan demikian, dapat dikatakan bahawa andaian untuk wujud hanya satu sudut pandangan yang munasabah dalam pemberitaan dapat difahami sebagai anggapan yang terlalu ideal. Dalam hubungan ini, sewajarnya selalu timbul perselisihan pendapat tentang sesuatu sikap pemberitaan seperti tersebut di atas.

Melalui kajian ini, dapat kita simpulkan bahawa tajuk-tajuk berita bukan berupa ringkasan semata-mata, tetapi merupakan bahagian daripada retorik berita yang berfungsi menarik perhatian pembaca. Begitu juga, tajuk-tajuk berita merupakan hasil pemilihan kosa kata dan alat tatabahasa, seperti yang dibahaskan mengenai konsep nominalisasi dan transitiviti. Kedua-dua perkara tersebut sebenarnya merupakan suatu penentu fungsi variasi bahasa. Hal tersebut dengan jelas menunjukkan kebenaran bahawa variasi-variasi bahasa memang wujud kerana wujudnya perbezaan identiti pengguna bahasa atau kerana wujud perbezaan cara penggunaan bahasa.

Secara amnya, laras bahasa dapat dirujuk sebagai gaya bahasa, namun melalui kajian ini, dapat diketahui bahawa pada dasarnya 'laras' dan 'gaya' ialah dua konsep yang berbeza. Untuk menghuraikan ciri-ciri keistimewaan bahasa tajuk berita, penulis merumuskan konsep laras dengan membandingkan berbagai-bagai pandangan yang bertumpang tindih terhadap konsep istilah-istilah laras, gaya, ragam dan genre. Secara khususnya dihuraikan konsep genre sebagaimana yang pernah diperkatakan oleh Bakhtin (1986), Martin (1982) dan Halliday & Martin (1993).

Untuk merumuskan konsep laras sesederhana mungkin, penulis mengikuti pandangan Asmah (1995:ix-x) yang menjelaskan hubungan di antara konsep gaya dengan laras. Menurut beliau, konsep gaya adalah lebih abstrak dan menyeluruh daripada laras. Gaya tidak setakat dicirikan oleh ungkapan-ungkapan dan struktur-struktur khusus, tetapi oleh keseluruhan bahasa yang digunakan.

Berdasarkan pandangan tersebut, keistimewaan bahasa tajuk berita lazimnya dibahas dari segi kedudukan fungsi yang istimewa dan khusus. Menurut hasil kajian ini, seperti yang didakwa Asmah (1995:71) ciri-ciri keistimewaan bahasa tajuk berita dalam BH merupakan hasil daripada pengolahan teknik kebahasaan yang khusus. Teknik ini tidak hanya dilihat dari segi nahu, tetapi juga dari segi retorik.

Melalui huraian dalam Bab IV, penulis berpendapat bahawa unsur permainan makna (metafora) sedemikian merupakan kaedah yang paling penting dalam perancangan tajuk berita. Penggunaan kiasan serupa sebenarnya dapat melahirkan bentuk-bentuk bahasa yang tidak lazim atau berupa penyimpangan daripada kebiasaan. Dalam hal ini, dapat difahami bahawa salah satu cabang kiasan, metafora pada dasarnya melahirkan perselisihan antara makna asal dengan makna kiasan. Perselisihan makna tersebut memungkinkan timbulnya ketegangan. Oleh itu, kesan yang paling utama wujud daripada penggunaan unsur kiasan berkenaan sebenarnya disebabkan oleh apa yang terkandung di sebalik ketegangan tersebut.

Dalam kajian ini, penulis menghuraikan bahawa faktor perselisihan tersebut dapat mewujudkan tanggapan ataupun makna yang baru dan hal tersebut pula sangat mudah dipengaruhi oleh ideologi dan sistem nilai dalam masyarakat. Dengan perkataan lain, penggunaan retorik dalam merancang tajuk-tajuk berita mengandungi implikasi bahawa mana-mana surat khabar tidak terlepas daripada dipengaruhi oleh ideologi masyarakat

berkenaan. Gejala penggambaran makna seperti yang diuraikan tersebut bukan merupakan proses sembarangan melainkan merupakan suatu proses gramatikal dalam ragam bahasa tajuk berita. Gejala serupa itu disebut sebagai *grammatical metaphor* atau metafora gramatikal (Foley, 1998:178).

Metafora gramatikal secara khususnya dinyatakan dalam bentuk nominalisasi di dalam berbagai-bagai teks berbahasa tulisan. Bahasa tulisan pada dasarnya mengandung lebih banyak unsur metafora gramatikal berbanding bahasa basahan atau bahasa lisan. Dengan kewujudan unsur metafora tersebut, terdapat dua jenis fungsi yang sangat mustahak yang dapat diperhatikan dalam tulisan, iaitu fungsi abstraksi dan fungsi penjarakan. Pada dasarnya, kecenderungan wujud fungsi metafora tersebut dapat dianggap sebagai sesuatu lambang yang menunjukkan tahap pencapaian yang tinggi (Eggins, Suzanne, et al. 1993:77).

Secara keseluruhannya, huraian kajian ini berdasarkan pendapat Halliday yang membezakan hakikat bahasa dari dua sudut pandangan, iaitu bahasa sebagai sistem dan bahasa sebagai institusi. Melalui bahasa sebagai sistem, pengguna bahasa dapat membina sesuatu model untuk bertukar makna dengan wujud kegiatan simbolik dalam masyarakat bahasa berkenaan. Demikian pula, pada pihak lain, melalui bahasa sebagai institusi, iaitu dengan wujudnya berbagai-bagai dialek dan laras bahasa, pengguna bahasa dapat membina sistem masyarakat tertentu (Halliday 1978:190-191).

Memang benar bahawa sesebuah masyarakat tidak wujud tanpa bahasa. Tidak mungkin wujud pula sesebuah masyarakat tanpa komunikasi. Setiap bahasa adalah untuk tujuan berkomunikasi dalam masyarakat. "Manusia bercakap" dan "manusia ialah makhluk bermasyarakat" merupakan ungkapan yang seerti (Kristeva, 1989:7). Menurut pandangan tersebut, pengkajian bahasa bukan merupakan sesuatu

bidang yang terhad kepada struktur bahasa yang berciri abstrak melainkan menjangkau ruang lingkup yang mengandungi berbagai-bagai pertimbangan dalam bidang-bidang psikolinguistik, komunikasi dan sosiokultural (Van Valin & LaPolla, 1997:9).

Berdasarkan pandangan tersebut, penulis menganggap kegiatan berbahasa sebagai sistem semiotik sosial. Dengan perkataan lain, dakwaan tersebut dapat dianggap wajar jika realiti dipandang sebagai hasil kegiatan bahasa. Dalam hal ini, kegiatan berbahasa bukan merupakan tujuan kajian melainkan realiti. Dengan demikian, pengguna bahasa membina dan memahami realiti masing-masing. Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa analisis bentuk linguistik berhubung kait pula dengan realiti pengguna bahasa.

Jika disimpulkan inti penulisan setakat ini, maka dapat digarap seperti di bawah ini;

(1) Kajian ini telah menyorot pelbagai aspek konteks laras bahasa berita dalam BH. Memandangkan tajuk-tajuk berita sering kali tidak menepati ciri-ciri aturan nahu, maka telah diteliti dengan lebih mendalam tentang contoh-contoh penyimpangan tatabahasa. Melalui penyelidikan daripada teori semiotik sosial, sebarang unsur penyimpangan tatabahasa tersebut sebenarnya merupakan ciri-ciri laras bahasa berita yang sistematik. Hal ini sama dengan penyimpangan tatabahasa dalam puisi yang dianggap sebagai lambang ciri tatabahasa yang menghasilkan pengertian kesenian. Oleh sebab itu, untuk memahami maksud pola bahasa tajuk berita tertentu, perlu kita fahami konteks, iaitu hubungan antara bahasa dengan sesuatu di luar bahasa, iaitu konteks situasi tertentu. Melalui perbincangan tersebut dapat disimpulkan bahawa laras bahasa tajuk berita merupakan variasi bahasa yang dapat dibezakan berdasarkan penggunaan. Demikian pula, menurut analisis wacana laporan berita, telah didapati bahawa struktur tajuk berita adalah sangat berkait rapat dengan pendekatan semantik dan kognitif.

(2) Penulis menggariskan kajian serta contoh yang spesifik berhubung dengan penggunaan metafora dalam surat khabar bagi menjelaskan lagi pemahaman berkenaan dengan retorik bahasa tajuk berita. Demikian pula, dijelaskan mengenai pendekatan yang membolehkan pembaca mentafsir serta memahami lambang-lambang linguistik di dalam tajuk-tajuk berita surat khabar. Berdasarkan penyelidikan penulis, metafora sebenarnya mempengaruhi sistem konsepsi atau tanggapan dalam bahasa dan budaya. Berdasarkan analisis terhadap struktur dan metafora statik, didapati bahawa tajuk-tajuk berita surat khabar dapat dianggap sebagai model budaya di dalam memahami persepsi tentang sistem bahasa dan budaya pembaca.

(3) Dalam kajian ini, dipaparkan juga beberapa data statistik berhubung dengan ciri-ciri struktural bagi menjelaskan lagi perbincangan sebelumnya. Data-data tersebut menunjukkan sejauh mana penggunaan perkataan tertentu, misalnya bentuk frasa nama mendominasi penulisan tajuk-tajuk berita di dalam surat khabar. Peratusan penggunaan bentuk aktif dan pasif, nominalisasi, transitiviti, penggunaan kata kerja, kata nama, akronim atau singkatan, kata bantu dan lain-lain dapat ditentukan bagi memperlihatkan ciri-ciri laras bahasa tajuk berita. Berdasarkan ciri-ciri yang ditunjukkan tersebut, dikemukakan penghuraian ciri-ciri nahu tajuk berita dari sudut pandangan tradisional bagi memperlihatkan bukti yang lebih jelas lagi mengenai laras bahasa surat khabar.

(4) Sebagai kesimpulan, penulis menegaskan bahawa pengaruh tajuk-tajuk berita surat khabar sebenarnya sangat kuat sekali terhadap persekitaran. Bagi para pembaca, tajuk-tajuk berita surat khabar penuh dengan kod-kod budaya. Penulis juga berpendapat bahawa kelainan dalam kaedah penyampaian tajuk berita surat khabar barangkali dapat dianggap membayangkan perbezaan ideologi antara dua institusi sosial yang berlainan. Perkara tersebut didapati banyak mempengaruhi struktur

penyampaian berita, terutamanya di dalam tajuk-tajuk berita. Oleh sebab itu, penulis mendapati langkah seterusnya yang perlu ditumpukan di dalam kajian seterusnya adalah dengan meneliti tajuk berita sebagai struktur bahasa yang penting. Kajian tajuk berita sebagai kod bahasa, perlu dilakukan dengan teliti dan cermat sesuai dengan persepsi budaya pembaca. Analisis sedemikian sangat berguna untuk pembelajaran dan pengajaran bahasa.